



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 5 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	36 PASIR MAS FLOOD VICTIMS STILL AT RELIEF CENTRE		NEUTRAL
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1156326/36-pasir-mas-flood-victims-still-relief-centre	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/04/over-30-flood-victims-in-pasir-mas-still-at-shelters	THESTAR.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kelantan-kekal-36-orang-503185	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2379224	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2379226	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PROGRAM PRA TAHFIZ TABIKA KEMAS PERLIS: LAHIR GENERASI CILIK 4M		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-pra-tahfiz-tabika-kemas-perlis-lahir-generasi-cilik-4m	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	UMS LEADS CLIMATE CHANGE AWARENESS AMONG CHILDREN		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/04/ums-leads-climate-change-awareness-among-children	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	COST OF LIVING AMONG 5 MAIN CHALLENGES IMPACTING FAMILIES		NEUTRAL
	https://businessnews.com.my/2025/01/04/cost-of-living-challenges-families/#	BUSINESSNEWS.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	832,006 IP LUCAH KANAK-KANAK DIKESAN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/832006-ip-lucah-kanak-kanak-dikesan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://wartaoriental.com/2025/01/04/832006-ip-lucah-kanak-kanak-dikesan/	WARTAORIENTAL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	SUAMI BEKAS MODEL DIREMAN TIGA HARI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA		NEGATIF
	https://themalaysiapress.com/suami-bekas-model-direman-tiga-hari-kes-keganasan-rumah-tangga/	THEMALAYSIAPRESS.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	RAKAMAN CCTV BUKTIKAN BEKAS PENYELIA BUAT GANGGUAN SEKSUAL, KATA MAHKAMAH		NEGATIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/04/rakaman-cctv-buktikan-bekas-penyelia-buat-gangguan-seksual-kata-mahkamah/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/04/cctv-clip-proves-ex-supervisor-guilty-of-sexual-harassment-rules-court/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=Q8f2cTAYYpo	YOUTUBE	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
AHAD, 5 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Mangsa banjir di Kelantan kekal 36 orang	5
832,006 IP lucah kanak-kanak dikesan	2
Rakaman CCTV buktikan bekas penyelia buat gangguan seksual, kata mahkamah	3


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Cemburu punca wanita dibunuh di hotel bajet.</u>	6
<u>Seorang wanita mengalami kecederaan di bahagian perut selepas ditikam dengan pisau oleh anak saudaranya ketika berlaku pertengkaran mulut antara mereka</u>	5
<u>KES WARGA EMAS DIRAGUT Polis Sahkan Punca Kematian Akibat Pneumonia Punca kematian wanita warga emas yang cedera parah dalam insiden ragut di ibu negara</u>	3

TAJUK TOPIK UTAMA




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA




LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is -14 points compared to the previous period.

Analyzed 654 mentions


- 139 with positive sentiment
- 156 with neutral sentiment
- 359 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Mangsa banjir di Kelantan kekal 36 orang
- 832,006 IP lucah kanak-kanak dikesan
- Rakaman CCTV buktikan bekas penyelia buat gangguan seksual, kata mahkamah



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

832,006 IP LUCAH KANAK-KANAK DIKESAN

LIPUTAN BERITA

- o PETALING JAYA: Polis mengesan 832,006 alamat protokol internet (IP) berdaftar di Malaysia disyaki berkongsi kandungan lucah kanak-kanak di Internet sejak lima tahun lalu.
- o Menurut Utusan Malaysia, kesemua alamat IP itu diterima Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) yang dikesan daripada sistem perkongsian maklumat dianggotai antaranya Polis Antarabangsa (Interpol), Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat dan National Center For Missing and Exploited Children.
- o Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, jumlah itu membabitkan sebanyak 8,068 alamat IP pada tahun 2019; 105,629 (2020); 215,407 (2021); 139,755 (2022), 147,154(2023) dan 215,993 (2024).
- o Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 257,966 alamat IP yang dimuat turun dari salah satu sistem perkongsian maklumat ini yang membantu polis mengenal pasti pembekal lucah dengan menjejaki alamat IP, lokasi dan aktiviti dalam talian.
- o "Daripada jumlah itu, hanya 395 alamat IP diperiksa mengikut prioriti yang membawa kepada 179 tangkapan Op Pedo dari 2019 hingga tahun lalu.
- o Link -]

CADANGAN

Kempen Kesedaran Keselamatan Digital dengan menerbitkan panduan keselamatan internet untuk kanak-kanak dan remaja, disertai dengan langkah-langkah melindungi privasi mereka dalam talian. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak di ruang digital, mencegah eksploitasi, dan memberikan sokongan menyeluruh kepada mangsa.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



PETALING JAYA: Polis mengesan 832,006 alamat protokol internet (IP) berdaftar di Malaysia disyaki berkongsi kandungan lucah kanak-kanak di Internet sejak lima tahun lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Gambar hiasan. - Foto REUTERS

Topik: TikTok tahu dakwaan siaran langsungnya mengeksploitasi kanak-kanak - Mahkamah Utah

[\[LINK\]](#)

WASHINGTON: Negeri Utah, Amerika Syarikat (AS) memfailkan saman terhadap TikTok atas dakwaan gagal mengambil tindakan terhadap siaran langsung videonya yang menggalakkan kelakuan seksual dan mengeksploitasi kanak-kanak.

Menurut dokumen baharu yang didedahkan dalam saman difailkan di Utah, TikTok didakwa tidak mengambil tindakan terhadap perkara itu kerana mendapat keuntungan besar daripadanya.

Tuduhan itu diumumkan pada Jumaat, menjelang larangan TikTok di AS pada 19 Januari ini.

Tindakan itu bagaimanapun tidak terpakai jika pemiliknya yang berpangkalan di China, ByteDance, menjual aplikasi media sosial popular terbabit kepada syarikat di AS.

Presiden dipilih AS, Donald Trump, meminta Mahkamah Agung AS untuk menanggukkan larangan terbabit, sementara TikTok kekal menegaskan ia mengutamakan keselamatan siaran langsungnya.

Saman asal dari Utah yang mendakwa TikTok mengeksploitasi kanak-kanak difailkan pada Jun lalu oleh Bahagian Perlindungan Pengguna negeri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



36 Pasir Mas flood victims still at relief centre

By **Bernama** - January 4, 2025 @ 10:48am



A general view of the floods in Pasir Mas, in this photo taken on Dec 31, 2024. - BERNAMA PIC

KOTA BARU: The number of flood victims in Pasir Mas remained the same since yesterday, totalling 36 people from nine families as of 9.30am today.

According to the Social Welfare Department's (JKM) Info Bencana portal, they are being accommodated at the relief centre (PPS) at Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh, Pasir Mas.

Meanwhile, the Drainage and Irrigation Department's infobanjir.water.gov.my, stated that the water in Sungai Golok at Kuala Jambu, Tumpat is at an alert level with a reading of 2.06 metres.-- BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Pra Tahfiz TABIKA KEMAS Perlis: Lahir generasi cilik 4M

Nasional - Dicipta: 04 Januari 2025 03:22 PM - Kemas kini: 04 Januari 2025 03:22 PM



FOTO FAIL

KANGAR, 4 Januari – Pelaksanaan Program Pra Tahfiz di 55 Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) daripada keseluruhan 146 TABIKA yang beroperasi seluruh Perlis sebagai perintis menunjukkan perkembangan sangat positif.

Usaha yang dilaksanakan sejak awal tahun 2024, satu inisiatif yang mampu melahirkan murid prasekolah menguasai 4M iaitu mengaji, menghafal, menaakul dan mengambil pengajaran.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti KEMAS Parlimen Kangar Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya, penerapan modul Pra Tahfiz menjadi pelengkap kepada kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang perlu dipelajari murid-murid prasekolah sebelum mengikuti pembelajaran di peringkat sekolah rendah.

Selain menguasai 3M, KEMAS turut menyasarkan anak-anak boleh mengaji dengan baik, menghafaz surah lazim, membuat pertimbangan dengan baik dan mengambil pengajaran tentang segala yang dipelajari hasil tunjuk ajar tenaga pendidik berpengalaman.

Usaha digerakkan itu sepertimana seruan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dimana menjelang 2026, TABIKA KEMAS mampu melahirkan seramai 100,000 huffaz kanak-kanak.

"setidak-tidaknya anak-anak kita ada asas hafalan al-quran dan ada kefahaman tentang perkara-perkara atau pentadbiran Al-Quran secara umum. Itu yang paling penting agar mereka dapat menghayati Al-Quran itu sendiri. Terima kasih kerajaan atas inisiatif ini dan keberkesanan dan impaknya mula terlihat dan mudah-mudahan ia diteruskan dan dikembangkan lagi dan diperkasakan lagi," kata Dr Fathul pada Hari Apresiasi TABIKA KEMAS DUN Indera Kayangan, di sini.

Seramai 57 kanak-kanak mewakili enam TABIKA KEMAS iaitu TABIKA KEMAS Kampung Bakau, TABIKA KEMAS Taman Hijrah, TABIKA KEMAS Kampung Padang Katong, TABIKAKEMAS Taman Kemajuan, TABIKA KEMAS Kampung Pengkalan Asam dan TABIKA KEMAS Taman Jali diraikan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



UMS leads climate change awareness among children

By SANDRA SOKIAL

NATION

Saturday, 04 Jan 2025
2:11 PM MYT



A group photo with SK Pekar Tenom pupils.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) is currently raising climate change awareness among children through a recent programme at Sekolah Kebangsaan Pekar Tenom.

The initiative, organised by UMS' One Health Student Club (OHSC) and co-hosted by Universiti Jember Indonesia, the University of the Philippines, and Universiti Brunei Darussalam, received funding from the Asia-Pacific Consortium for Public Health Mult Countries Research Grant.

This programme is part of a global movement aimed at educating young minds about climate change issues.

OHSC adviser and Teach4Tomorrow founder Dr Zulkhairul Naim Sidek Ahmad stresses the importance of early education in addressing environmental challenges.

"We believe that educating children at a young age helps instil lifelong awareness of climate change. Tenom was chosen as the first location because of its potential to serve as a model for similar initiatives in neighbouring countries," he said.

The programme is set to expand to Jember, Indonesia, Manila, and Brunei, enhancing its regional impact.

An interactive comic module was launched during the event, providing a fun and accessible way for children to learn about climate change.

With over 200 pupils, teachers, and volunteers participating, Dr Zulkhairul Naim expressed confidence in the programme's ability to foster a deeper understanding of climate change at the grassroots level.

"UMS is committed to engaging university students as change agents, demonstrating that education is a powerful tool in addressing global environmental issues.

This initiative supports the United Nations' Sustainable Development Goals, particularly in quality education and climate action," he added.

SK Pekar Tenom headmaster Shamsudin Akil praised the programme's positive impact on the pupils.

"We welcome collaborations like this, especially those that offer long-term benefits to our children. Hopefully, they will share what they've learned on Thursday (Jan 4) with their families," he said.

Also present were Associate Professor Dr TJ Robinson T Moncatar from the University of the Philippines, Assistant Professor Dr Kurnia Ardiansyah Akbar from Universiti Jember, and Universiti Brunei Darussalam's Assistant Professor Dr Roslinawati Mohd Roslan.

This initiative reflects UMS's dedication to environmental education, aiming to inspire future generations to act against climate change.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cost of living among 5 main challenges impacting families

January 4, 2025

The National Population and Family Development Board (LPPKN) identified five main challenges faced by Malaysian families today: high cost of living, rising expenses for raising children, reduced family time, the need for dual incomes, and gadget addiction.

These findings are based on an online survey conducted with 5,430 respondents aged 18 and above during November 2024, coinciding with National Family Month.

Key insights include: cost of living

- 41.8% of respondents feel they lack sufficient family time due to work commitments.
- Average daily family time is 7.5 hours on weekdays and 13.4 hours on weekends.
- 97% cited high living costs as a major challenge, while 71.6% noted increased child-rearing expenses.
- 38.9% reported working multiple jobs to support their families.
- 33.2% highlighted gadget addiction as a significant issue.

Despite challenges, activities like shared meals (61.3%) and family gatherings (51.6%) remain central to fostering family bonds.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 6 BERADIK TIADA MYKAD

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 5 JAN 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Bername

Melaka

Kehidupan enam beradik yatim piatu terumbang ambing apabila semua mereka tiada Mykad sejak kecil.

Anak sulung daripada enam beradik itu, Nul Aziza Rosani, 18, yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkata, dokumen berkenaan penting buat mereka khususnya bagi tujuan persekolahan dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan.

"Dokumen yang ada pada saya kini hanya sijil kelahiran bukan warganegara. Namun Alhamdulillah, proses menduduki SPM berjalan lancar tanpa halangan.

"Bagaimanapun, saya berhasrat menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi dan sudah tentu memerlukan dokumen penting iaitu MyKad. Jadi saya berharap boleh mendapatkan dokumen itu selepas permohonan kewarganegaraan diluluskan," kata pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjong itu ketika ditemui di rumah sewa mereka di Pekan Tangga Batu di sini, semalam.

Semua enam beradik itu menerima lawatan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi @ Mohd Hashim.

Nul Aziza berkata, dia kini tinggal bersama lima lagi adiknya iaitu, Ahmad Baharom, 17, Azrul, 16, Khalid, 15, Mohd Said Maulidin, 12, dan Siti Khadijah, 10, selepas ibu saudara mereka Azira Hairon, 52, meninggal dunia Rabu lalu.



KALSOM (tiga, kiri) dan Tuminah (dua, kiri) menyantuni enam beradik k yatim piatu di rumah mereka di Pekan Tangga Batu.

6 BERADIK TIADA MYKAD

Hidup anak yatim piatu semakin terumbang ambing selepas kehilangan ibu saudara

Ibu bapa mereka, Nila Nasir dan Rosani Saman Ladit masing-masing meninggal dunia pada 2006 dan 2021.

Sementara itu, Kalsom berkata, proses permohonan mendapatkan taraf kewarganegaraan bagi enam anak yatim piatu itu dikemukakan Pejabat Jawatankuasa Pembangu-

nan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pantai Kundor ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada Mei tahun lalu.

Justeru katanya, kerajaan negeri memantau perkembangan proses permohonan berkenaan dan berharap ia dapat disejajarkan bagi memudahkan

kehidupan enam beradik berkenaan.

Katanya, sebelum ini mereka hanya mendapat sijil lahir bukan warganegara memandang beberapa dokumen penting yang diperlukan tidak dapat dilengkapkan.

"Selain itu, kita juga memantau secara dekat kehidupan enam adik-ber-

adik ini dengan kerjasama pemimpin dan penduduk kerana mereka memilih tidak berpisah atau tinggal di asrama.

"Namun sekiranya terdapat aduan kehidupan mereka tidak terurus atau timbul masalah, kita cari penyelesaian lain termasuk menghantar mereka ke asrama," katanya.

Mengulas mengenai kebajikan pula, beliau berkata semua anak yatim itu mendapat pelbagai bantuan termasuk makanan dan kewangan daripada antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Melaka serta pelbagai badan bukan kerajaan dan individu prihatin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



832,006 IP lucah kanak-kanak dikesan



RAZARUDIN HUSAIN

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 4 Januari 2025, 7:50 am

PETALING JAYA: Polis mengesan 832,006 alamat protokol internet (IP) berdaftar di Malaysia disyaki berkongsi kandungan lucah kanak-kanak di Internet sejak lima tahun lalu.

Kesemua alamat IP itu diterima Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (DII) yang dikesan daripada sistem perkongsian maklumat dianggotai antaranya Polis Antarabangsa (Interpol), Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat dan National Center For Missing and Exploited Children.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, jumlah itu membabitkan sebanyak 8,068 alamat IP pada tahun 2019; 105,629 (2020); 215,407 (2021); 139,755 (2022), 147,154 (2023) dan 215,993 (2024).

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 257,966 alamat IP yang dimuat turun dari salah satu sistem perkongsian maklumat ini yang membantu polis mengenal pasti pembekal lucah dengan menjejaki alamat IP, lokasi dan aktiviti dalam talian.

"Daripada jumlah itu, hanya 395 alamat IP diperiksa mengikut prioriti yang membawa kepada 179 tangkapan Op Pedo dari 2019 hingga tahun lalu.

"Berdasarkan maklumat diterima Bahagian DII berhubung pemilik alamat IP, pemilik akaun media sosial dan mana-mana aktiviti dalam talian yang membuat perkongsian atau capaian kepada bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak (CSAM), ia menunjukkan jumlah maklumat yang banyak dan meningkat setiap tahun.

"Trend ini satu petunjuk yang harus diberi perhatian serius oleh banyak pihak kerana selagi ada permintaan terhadap bahan CSAM ini bermakna semakin ramai yang mengambil kesempatan untuk menghasilkan gambar dan video lucah dan sekaligus lebih ramai kanak-kanak menjadi mangsa penganiayaan seksual di seluruh dunia," katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Tegasnya, isu ini memang membimbangkan kerana ketaksuban kepada bahan CSAM ini membawa kepada ketagihan pornografi kanak-kanak dan akhirnya mendorong kepada jenayah seksual secara fizikal yang lain seperti rogol, amang seksual, sumbang mahram dan aktiviti seks bebas dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Jelas beliau, ia akan menyumbang kepada aktiviti jenayah lain seperti pembuangan bayi, pemerasan seksual, gejala sosial lain yang serius seperti tinggal bersekedudukan sehingga melahirkan anak dan lain-lain.

"Kebanyakan memberi alasan tidak mengetahui ianya merupakan kesalahan jenayah.

"Jenayah berkaitan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak ini adalah isu global dan ditentang hebat oleh masyarakat dunia termasuk Malaysia.

"Ini kerana selagi ada yang berkongsi, memiliki dan melihat bahan penganiayaan terhadap kanak-kanak, selagi itu akan pihak yang tidak berperikemanusiaan yang mengeksploitasi dan menganiaya kanak-kanak untuk memenuhi permintaan dan kepentingan mereka," katanya.

Menurutnya, PDRM dengan kerjasama pelbagai agensi secara agresif akan menjejaki individu dan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penganiayaan terhadap kanak-kanak dan akan mengambil tindakan tegas berasaskan undang-undang yang berkuatkuasa.

"Masyarakat diingatkan untuk tidak membuat sebarang perkongsian atau menganggap remeh perkara berkaitan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak. Hukuman bagi mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan CSAM ini adalah serius iaitu hukuman pemenjaraan antara lima ke 30 tahun berserta sebatan atau denda," katanya.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa agar menambah pengetahuan dalam aspek pemantauan aktiviti dalam talian anak-anak kerana bahan-bahan berunsur seksual dan negatif yang lain begitu meluas dan senang dicapai secara dalam talian.

"Apa yang penting ialah anak-anak perlu dididik dan ditanam dengan nilai-nilai spiritual, akhlak dan moral yang tinggi agar mereka mempunyai tahap kawalan sendiri yang teguh dalam menilai buruk dan baik tindakan mereka," katanya. - UTUSAN

Suami bekas model direman tiga hari kes keganasan rumah tangga

Ben Ibrahim • Hiburan • 0 Comments



KUANTAN – Mahkamah Majistret Kuantan hari ini membenarkan perintah reman tiga hari bermula hari ini terhadap suami kepada bekas model dan pelakon, Zahnita Wilson, yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Perintah reman terhadap tertuduh dikeluarkan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman.

Terdahulu, suspek memakai kemeja lengan panjang berwarna biru gelap dan seluar panjang gelap tiba di pekarangan mahkamah jam 8.30 pagi, dengan tangan bergari.

Difahamkan laporan polis dibuat mangsa 27 November lalu sebelum suspek ditahan semalam ketika hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan.

Terdahulu, media melaporkan hantaran dimuat naik di media sosial Zahnita mengejutkan ramai apabila dia berkongsi dua foto menampakan matanya lebam.

Tidak memperincikan apa berlaku, Zahnita atau nama sebenar, Zahnita Dorothy Hussein Wilson, 39, berkata, sebolehnya dia enggan membuka 'pekung di dada', namun keadaan memaksa untuknya berbuat demikian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rakaman CCTV buktikan bekas penyelia buat gangguan seksual, kata mahkamah

K. Parkaran - 04 Jan 2025, 09:30 AM

Mahkamah Perusahaan menolak tuntutan lelaki itu atas pemecatan terancang dan mengekalkan penurunan pangkat dan pengurangan gajinya.



Mahkamah Perusahaan mengekalkan keputusan Empire Manufacturing Sdn Bhd untuk menurunkan pangkat pihak yang menuntut, berikutan seriusnya kes salah laku itu selain kehilangan kepercayaan dan keyakinan terhadapnya. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Mahkamah Perusahaan memutuskan sebuah syarikat pembuatan minuman berhak menurunkan pangkat bekas penyelia berikutan siasatan dalaman, selepas rakaman kamera litar tertutup (CCTV) membuktikan dia telah mengganggu rakan sekerja secara seksual.

Siasatan dalaman itu mendapati pihak yang menuntut bersalah merakam gambar pengadu tanpa persetujuannya, menjemputnya untuk menjamu pizza, melanggar garis panduan penjarakan sosial yang dikenakan semasa wabak Covid-19 dan mengeluarkan kenyataan yang tidak senonoh tentang perkahwinan.

Pengerusi Mahkamah, S Vanithamany, berkata pengurusan tindakan Empire Manufacturing Sdn Bhd adalah wajar kerana ia mahu mewujudkan persekitaran selamat untuk pengadu.

"Pihak yang menuntut dilihat dalam rakaman CCTV di mana dia berjalan di belakang pengadu walaupun tiada tanda dia menjemputnya. Dia juga nampaknya gagal mengekalkan jarak minimum dua meter semasa wabak itu.

"Lebih-lebih lagi, pengadu dilihat telah menutup mukanya ketika pihak yang menuntut cuba mengambil 'wefie' dengannya. Ini jelas menunjukkan keengganan di pihaknya," katanya dalam award yang disampaikan lewat tahun lalu.

Panel siasatan dalaman mendapati pihak yang menuntut bersalah dan mengesyorkan dia digantung kerja selama tiga hari, tetapi syarikat itu menurunkan pangkatnya daripada penyelia kepada ketua barisan, memotong gaji bulannya sebanyak RM300 dan menarik balik elaun telefonnya, dengan menyatakan betapa seriusnya kesalahan salah laku itu.

Syarikat itu berkata syor siasatan itu adalah terlalu ringan dengan mengambil kira dasar gangguan seksual dan prosedur tatatertib sedia ada.

Pihak yang menuntut, yang menyertai syarikat itu pada Mac 2020, membantah hukuman itu dan membuat rayuan pada 4 Sept tahun yang sama. Sehari kemudian dia beritahu rayuannya akan dipertimbangkan.

"Pada 8 Sept 2020, syarikat itu mengadakan mesyuarat semakan dan mengekalkan dapatan dan hukuman sekiranya tiada bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pengadu telah mereka-reka (aduan)," kata Vanithamany.

Syarikat itu memaklumkan keputusan berkenaan kepadanya dan mengarahkannya melaporkan diri untuk bertugas pada 10 Sept.

Bagaimanapun, pihak yang menuntut enggan dan mengemukakan peletakan jawatannya pada 24 Sept. Syarikat itu menasihatinya untuk mempertimbangkan semula keputusannya, tetapi dia enggan dan sebaliknya memfailkan kes pemecatan terancang.

Pihak yang menuntut berkata beliau terpaksa meletakkan jawatan kerana tidak melakukan sebarang kesalahan dan hukuman yang dikenakan adalah tidak adil.

Vanithamany menyatakan bahawa pihak yang menuntut telah mengakui bahawa dia mempunyai tabiat mengambil 'wefie'. Katanya, dia tahu ia tidak sesuai dalam persekitaran kerja dan memohon maaf kerana berbuat demikian.

Beliau juga menolak dakwaan pihak menuntut bahawa tindakan syarikat yang tidak mengendahkan syor siasatan dalaman merupakan pelanggaran kontrak, dan berkata pihak pengurusan berhak menentukan hukuman yang akan dikenakan berdasarkan penemuan panel.

Mahkamah memutuskan bahawa firma itu mempunyai kewajaran sepenuhnya untuk menurunkan pangkat pihak yang menuntut, memandangkan seriusnya salah laku itu dan selain kehilangan kepercayaan dan keyakinan terhadapnya.